

Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 98-113
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 February 2022
Accepted: 25 February 2022
Published: 11 March 2022

[Husband-Wife Relationship Issues in Muslim Families in Malaysia: A Literature Analysis]

Nur Faezah Musthapar¹ & Bahiyah Ahmad¹

1 Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Email: faezahmusthapar@gmail.com; bahiyah_api@um.edu.my

* Corresponding Author: faezahmusthapar@gmail.com

Abstrak

Kesejahteraan sebuah keluarga banyak dipengaruhi oleh hubungan antara suami dan isteri. Namun begitu, banyak isu tragis yang berlaku antara suami dan isteri seperti pergaduhan, keganasan rumah tangga, penceraian dan pembunuhan. Justeru artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu yang sering berlaku dalam perhubungan suami isteri di Malaysia dari perspektif Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Hasil dapatan sorotan literatur merumuskan bahawa isu-isu yang sering berlaku dalam perhubungan suami isteri adalah pengabaian tanggungjawab, hubungan intim, komunikasi, pengurusan konflik atau perbezaan pandangan, sikap dan pengurusan kewangan. Hasil analisis mendapati bahawa indikator kepada perhubungan suami isteri menurut Islam adalah penghayatan agama dalam kehidupan dan pergaulan baik antara suami isteri (*mu'asharah bil ma'ruf*).

Kata kunci: kesejahteraan, masalah keluarga, hubungan suami isteri.

Abstract

The well-being of a family is greatly influenced by the relationship between husband and wife. Nevertheless, many tragic issues occur between husbands and wives such as abuse, domestic violence, divorce and murder. Therefore, this article aims to analyze the issues that often occur in marital relations in Malaysia from an Islamic perspective. This study uses a fully qualitative approach. The findings of the literature review conclude that the most common issues in marital relationships are neglect of responsibilities, intimate relationships, communication, conflict management or differences of opinion, attitudes and financial management. The results of the analysis found that the indicator of the relationship between husband and wife according to Islam is the appreciation of religion in life and good relations between husband and wife (*mu'asharah bil ma'ruf*).

Keywords: well-being, family issues, husband and wife relationships

Cite This Article:

Nur Faezah Musthapar & Bahiyah Ahmad. 2022. Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur [Husband-Wife Relationship Issues in Muslim Families in Malaysia: A Literature Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 98-113.

Pengenalan

Kebahagiaan suami isteri terbentuk melalui pergaulan yang baik antara satu sama lain. Pergaulan baik akan memberi kesan positif kepada kualiti perkahwinan. Namun jika

sebaliknya, akan menyebabkan keluarga sentiasa dalam keadaan bermasalah. Ini dibuktikan dengan masalah rumah tangga yang pelbagai seperti peningkatan kes penceraian yang sangat membimbangkan, pembunuhan tragis antara suami dan isteri serta keganasan rumah tangga membuktikan bahawa tiadanya ketenangan, cinta dan kasih sayang dalam rumah tangga. Mas Ermieyati, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan sebanyak 66440 permohonan cerai pasangan Islam difailkan di mahkamah syariah seluruh negara sejak Mac 2020 hingga Ogos lalu. Selangor adalah negeri yang mencatatkan permohonan cerai tertinggi dengan 12,479 kes, diikuti Johor (7558), Kedah (5985), Kelantan (5982), Perak (5921), Terengganu (5098), Pahang (5058), Sabah (4010), Wilayah Persekutuan (3854), Negeri Sembilan (3473), Pulau Pinang (2978), Perlis (1081) dan Sarawak (561). 121 permohonan cerai secara purata difailkan dalam tempoh sehari.

Pada Mac 2021 pula, berlaku kes tragis apabila suami membunuh isterinya ketika isterinya sedang tidur dengan menggunakan senapang angin kerana cemburu (Berita Harian, 2021). Yang lebih memilukan apabila mayat isteri dimasukkan ke dalam tong air berwarna biru dan dibawa ke sebuah ladang serai untuk ditanam. Selain itu, kes keganasan rumah tangga yang menunjukkan peningkatan yang berterusan semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Sebanyak 9015 kes keganasan rumah tangga berlaku sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tempoh Mac 2020 hingga Ogos lalu (Berita Harian, 2021). Manakala tahun 2021, sebanyak 4905 kes keganasan rumah tangga sejak Januari hingga Ogos tahun ini telah dilaporkan (Sinar Harian, 2021). Daripada kes-kes tersebut, menunjukkan bahawa masalah dalam institusi keluarga berpunca daripada perhubungan suami isteri yang tidak harmoni. Maka artikel ini akan membincangkan dan menganalisis isu-isu dalam perhubungan suami isteri di Malaysia berdasarkan perspektif Islam.

Konsep Perhubungan Suami Isteri Menurut Islam

Dalam Islam, perhubungan suami isteri disebut sebagai *mu'āsharah bil ma'rūf* iaitu suatu pergaulan baik antara suami dan isteri. Pergaulan baik merupakan suatu kewajipan yang diperintahkan oleh syarak ke atas suami dan isteri apabila berkahwin. Hal ini kerana pergaulan baik yang sentiasa diamalkan dalam keluarga akan menghasilkan ketenangan dan kedamaian dalam rumah tangga (Yulianti Ratnasari, 2018). Kewajipan pergaulan yang baik antara suami dan isteri terdapat dalam surah an-Nisa: 19 iaitu: Bergaullah dengan mereka menurut cara yang baik.

Daripada ayat tersebut, para *mufassir* seperti al-Tabari (2001) mentafsirkan bergaul dengan cara yang baik adalah memperlakukan pasangan dengan akhlak yang baik yang bersesuaian dengan perintah agama. Al-Qurtubi (1964) memberikan contoh pergaulan yang baik adalah memberikan hak-hak pasangan seperti membayar mahar, memberikan nafkah dan berkata lembut kepada pasangan. Selain itu, dinamai pergaulan baik apabila pasangan tidak bermuka masam tanpa sebab, tidak menampakkan kecenderungan yang berlebihan kepada salah satu isteri, sentiasa menzahirkan kasih sayang dan selalu berlapang dada menerima kekurangan isteri. Ini juga sebagaimana tafsiran Ibn Kathir (1999) bahawa pergaulan baik suami isteri adalah memperelokkan percakapan dan tingkah laku kepada pasangan, tidak

menyakitinya, bersikap kasihan terhadapnya dan tidak mempersulitkan nafkah iaitu tidak kedekut dan tidak terlalu berlebihan.

Menurut Mustafa al-Maraghi (1966), pergaulan baik bermaksud kebersamaan suami isteri dalam memberikan layanan yang baik supaya ketenangan dan kedamaian dapat dirasai antara satu sama lain. Sebagai contoh, suami tidak kedekut dalam pemberian nafkah, tidak menyakiti melalui perkataan dan perbuatan serta sentiasa menjaga penampilan diri. malah menahan diri ketika sedang marah, bersabar dengan sikap pasangan yang menyakitkan hati dan memberi maaf juga antara bentuk pergaulan baik dalam Islam.

Pandangan ulama tafsir, Ibn ‘Abbas (t.th.) menjelaskan pergaulan baik adalah pergaulan berbentuk persahabatan yang dipenuhi kebaikan antara suami dan isteri. Suami menjadi sahabat isteri yang paling rapat dan isteri menjadi sahabat akrab suami. Daripada hubungan persahabatan tersebut, masing-masing akan berkongsi banyak perkara dan saling berbincang untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Manakala pergaulan baik dalam rumah tangga apabila suami berpoligami menurut Wahbah al-Zuhaili adalah tidak mengumpulkan para isteri dalam satu rumah kecuali semua isteri bersetuju untuk tinggal bersama dan suami telah mendapatkan keizinan dari mereka. Di samping itu, suami tidak mempamerkan kemesraan dengan isteri di hadapan isteri yang lain.

Surah al-Baqarah:187 menjelaskan kehidupan suami isteri diumpamakan sebagai pakaian yang saling melindungi dan memerlukan antara satu sama lain. Perhubungan suami isteri yang di dalamnya sentiasa ada cinta dan kasih sayang akan menghasilkan ketenangan dan kedamaian dalam rumah tangga. Allah SWT telah menjelaskan perkara ini melalui surah ar-Rum:21 bahawa cinta dan kasih sayang akan melahirkan ketenteraman. Tanpa cinta dan kasih sayang, suami isteri tidak mampu untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam keluarga. Ini disokong oleh pandangan Yusuf Qaradawi (2014) bahawa ketenangan dalam keluarga akan tercapai sekiranya suami isteri saling berkasih sayang. Kesimpulannya, perhubungan suami isteri menurut Islam adalah suatu pergaulan baik antara suami isteri berupa percakapan, perbuatan dan penampilan yang bersesuaian dengan adat setempat dan ajaran Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dalam proses mengumpul dan menganalisis data. Data dikumpul daripada kitab ulama muktabar, buku, artikel jurnal, tesis dan sebagainya.

Analisis Isu

Daripada hasil kajian-kajian literatur, pengkaji mendapati bahawa isu-isu yang paling banyak menyebabkan keruntuhan institusi keluarga di Malaysia adalah pengabaian tanggungjawab, komunikasi, hubungan intim, pengurusan konflik atau perbezaan pandangan, sikap dan pengurusan kewangan.

Isu Pengabaian Tanggungjawab

Isu pengabaian tanggungjawab sering kali dikaitkan dengan isu pengabaian nafkah oleh pihak suami. Berdasarkan statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah kes tuntutan nafkah isteri dan anak adalah sebanyak 5 964 kes dalam tempoh lima tahun dari 2017 hingga Oktober 2021. Menurut Ketua Hakim Syarie, Mohd Na'im, kebanyakan kes membabitkan suami cuai memberikan nafkah kepada isteri. Ada suami yang tidak menyediakan langsung nafkah kepada isteri sepanjang tempoh perkahwinan. Antara alasan suami atau bekas suami yang enggan memberikan nafkah adalah mereka kurang berkemampuan kerana jumlah pendapatan yang sedikit. Di samping itu, tanggungan keluarga dan hutang yang banyak menyebabkan suami berkira-kira untuk mengeluarkan nafkah isteri dan anak-anak. Antara alasan lain adalah suami mendakwa sebelum perkahwinan, mereka telah bersetuju untuk menanggung perbelanjaan sepanjang perkahwinan

Mariam dan Syafirul (2017) mendapati bahawa faktor paling tinggi yang menyebabkan penceraian adalah faktor pengabaian tanggungjawab iaitu sebanyak 10,799 aduan dari tahun 2011 hingga tahun 2015. Daripada statistik tersebut, masalah yang melibatkan pengabaian tanggungjawab adalah suami tidak memberikan nafkah dan sikap malas dalam melaksanakan tanggungjawab sehingga membawa kepada pergaduhan. Daripada pergaduhan tersebut, bermulalah ketidaksefahaman yang dinyatakan oleh pasangan sebagai sebab penceraian. Walhal, masalah bermula daripada pengabaian tanggungjawab.

Secara teori, suami dan isteri mempunyai tanggungjawab yang berbeza dalam rumah kerana perbezaan yang ada antara keduanya. Perbezaan inilah yang akan membentuk keseimbangan dalam menguruskan keluarga. Contohnya, suami bertanggungjawab mencari nafkah untuk keluarga manakala isteri pula bertanggungjawab menjaga dan menguruskan kebajikan rumah tangga.

Islam telah menetapkan tanggungjawab bagi suami dan isteri dalam menguruskan rumah tangga. Tanggungjawab yang dilaksanakan secara seimbang akan melahirkan sebuah keluarga yang harmoni. Sekiranya salah satu tidak berperanan baik maka akan berlaku ketidakseimbangan dalam menunaikan tanggungjawab. Kesannya bukan hanya melibatkan pasangan tetapi anak-anak dan masyarakat keseluruhannya (Zanariah Dimon et.al, 2018). Tanggungjawab tersebut merupakan suatu kewajipan dan akan ditanya oleh Allah SWT tentang amanah di akhirat kelak.

Suami berkewajipan untuk memberikan nafkah zahir sebagai keperluan asas kepada isteri dan anak-anak. Kewajipan ini terdapat di dalam surah al-Baqarah: 233 iaitu kewajipan suami memberikan makanan dan pakaian kepada isteri mengikut kemampuan suami. Rasulullah SAW juga pernah membenarkan Hindun, isteri seorang sahabat untuk mengambil nafkah tanpa pengetahuan suaminya yang kedekut. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia boleh memfasakhkan perkahwinan apabila suami gagal memberikan nafkah kepada isteri melebihi tempoh empat bulan.

Cuai tanggungjawab sering kali dikaitkan dengan isu pengabaian nafkah kepada keluarga. Firdaus Abdul Gani (2020) menjelaskan terdapat juga kes pengabaian tanggungjawab dan nafkah kerana beranggapan bahawa isteri mempunyai sumber pendapatan sendiri. Suami wajib memberi nafkah kepada isteri apabila telah melakukan hubungan intim dan isteri tinggal

di tempat tinggal yang disediakan suami melainkan tempat tinggal itu tidak sesuai untuk didiami dari sudut syara' (Fiqh al-Manhaji: 4/181-182).

Namun keengganan isteri untuk berhubungan intim kerana sakit, letih atau uzur tidak akan menggugurkan kewajipan suami untuk memberi nafkah. Suami tidak wajib memberi nafkah apabila isteri *nusyuz*. Jika permintaan suami menyalahi batasan agama maka isteri tidak boleh taat akan suruhan suami dan tidak menggugurkan kewajipan suami untuk memberi nafkah. Sebaiknya, perkara ini dibawa kepada pihak yang berautoriti untuk menyelesaikan perselisihan antara suami dan isteri. Ini untuk mengelakkan daripada berlakunya penganiayaan dan pasangan tidak bertindak sesuka hati dalam bab nafkah.

Marlina Amir Hamzah (2020) menjelaskan hakim akan membuat penelitian tentang kos perbelanjaan barang-barang keperluan rumah tangga apabila isteri mendakwa nafkah yang diberikan oleh suami adalah tidak mencukupi. Contohnya resit pembelian yang disimpan akan menentukan anggaran perbelanjaan harian, mingguan, bulanan dan tahunan suami isteri. Ini bagi memastikan jumlah sebenar yang diperlukan isteri, bukan untuk kehendak yang berlebihan. Namun, yang lebih utama adalah suami dan isteri perlu berbincang dan mencapai kata sepakat agar hak dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan semampu yang boleh.

Bagi pandangan pengkaji, suami dan isteri perlu kembali semula kepada hukum Islam dalam menguruskan rumah tangga. Pasangan perlu sentiasa menuntut ilmu mengenai pengurusan rumah tangga, memahami dan mendalami tentang tanggungjawab sebagai suami, tanggungjawab sebagai isteri dan tanggungjawab bersama. Meskipun kebanyakan isteri bekerja bagi membantu suami, ia tidak akan mengubah posisi tanggungjawab isteri sebagai pengurus rumah tangga. Begitu juga tanggungjawab suami untuk memberikan nafkah. Ini kerana ada suami yang enggan memberikan nafkah kepada isteri, dengan alasan isteri telah bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Ada juga isteri yang bekerja culas dalam mendidik anak-anak sehingga anak-anak terbiar.

Meskipun isteri bekerja dan mempunyai pendapatan yang lebih besar berbanding suami, perkara ini tidak sesekali mengubah hukum *qat'i* bahawa suami adalah ketua keluarga yang wajib memberikan nafkah kepada isteri mengikut kemampuannya dan isteri sebagai pengurus kebajikan rumah tangga. Walaubagaimanapun, jika berlaku situasi di luar jangkaan seperti suami sakit yang berpanjangan, isteri boleh membelanjakan pendapatannya untuk membantu suami. Ia sebagai salah satu ihsan dan sedekah dari isteri kepada suami. Perkara ini tidak kekal selama-lamanya. Suami yang telah sihat perlu menjalankan semula tanggungjawabnya untuk mencari nafkah kepada keluarga. Dia tidak boleh menggunakan lagi pendapatan isteri sewenang-wenangnya. Suami tidak boleh mengambil kesempatan terhadap isteri. Solusi terbaik adalah suami isteri perlu sentiasa berbincang dalam membuat sesuatu keputusan. Perbincangan dilakukan dalam keadaan tenang, keputusan yang akan dicapai pula mestilah mendapat persetujuan bersama dan tidak bertentangan dengan agama.

Isu Hubungan Intim

Hubungan intim juga antara punca yang dikatakan terjadinya konflik antara suami dan isteri. Kajian Zanariah et.al (2018) mendapati bahawa hubungan intim menjadi masalah apabila naluri seksual suami atau isteri tidak dapat ditunaikan dan pasangan tidak mencapai kepuasan dalam berhubungan. Pasangan mula memendam perasaan kerana malu untuk menyatakan hal sebenar

tentang seks mereka. Akibatnya, pasangan merasa dirinya dianiaya, seterusnya menimbulkan ketidakpuasan hati sehingga berlakunya pergaduhan.

Ini dibuktikan oleh Mariani (2018) bahawa masalah dalam hubungan seksual antara punca berlakunya tidak puas hati antara pasangan seterusnya boleh membawa penceraian. Mereka lebih memilih untuk berdiam diri dan tidak berbincang untuk mencari penyelesaian dalam hubungan seksual. Akibatnya perasaan yang terpendam membawa kepada ketidakstabilan emosi. Ketidakstabilan emosi inilah yang akan mencetuskan pelbagai konflik rumah tangga. Wan Murni dan Anwar Fakhri (2018) juga mendapati bahawa pasangan yang mempunyai masalah hubungan intim yang berpanjangan akan bertindak mencari orang luar bagi melayani keperluan seksnya.

Wan Murni dan Anwar Fakhri (2018) juga merumuskan suami lebih bersikap curang berbanding isteri untuk memenuhi kepuasan seksualnya. Ini kerana kecenderungan suami untuk membuktikan perasaan cinta adalah melalui fizikalnya berbanding perkataan. Suami akan merasa dirinya tidak penting dan diutamakan sehingga menyebabkan suami mencari perempuan lain untuk memenuhi keinginan nafsu seksualnya. Inilah juga salah satu punca berlakunya zina dalam kalangan orang yang telah berkahwin yang telah dinormalisasikan oleh sesetengah orang.

Selain itu, Nurul Hasna' Hazni dan Akram Dahaman (2017) mendapati bahawa kes keganasan seksual yang dilaporkan berlaku dalam keluarga Muslim di Malaysia menunjukkan bahawa tidak berlakunya hubungan intim yang baik antara suami isteri sepertimana ajaran Islam. Contohnya, suami bersikap bermesra dengan isteri hanya untuk berhubungan intim sahaja, tidak pada keadaan yang lain. Ada juga suami yang tidak mempedulikan dan memikirkan keadaan isteri yang sedang sakit, asalkan keperluan seksnya terpenuhi.

Antara punca terjadinya keganasan seksual dalam rumah tangga kerana pengaruh pornografi telah mempengaruhi tindakan suami ke atas isterinya. Sebagai contoh, isteri dipaksa melakukan perbuatan yang sama seperti yang ditonton (Nurul Hasna' Hazni & Mohd Akram Dahaman, 2017). Kesannya, suami akan bersikap suka membanding-bandingkan fizikal dan aksi seksual pelaku pornografi dengan isteri. Perkara ini akan memberi tekanan kepada isteri kerana aksi pelaku pornografi melampau dan berlawanan dengan fitrah seksual manusia normal. Perkara ini jelas menunjukkan tidak berlakunya pergaulan baik (*mu'āsharah bil ma'rūf*) dalam berhubungan intim sebagaimana aturan Islam.

Hubungan intim dalam Islam mesti dilakukan berdasarkan prinsip *mu'āsharah bil ma'rūf*. Pergaulan baik (*mu'āsharah bil ma'rūf*) dalam berhubungan intim adalah suami mahupun isteri, masing-masing berhak mendapat kepuasan seksual dari pasangan. Selain itu, suami dan isteri perlu memberi kepuasan kepada pasangan ketika berhubungan intim. Hal ini sangat penting kerana hubungan intim merupakan hak bersama antara suami isteri.

Satu pandangan dalam mazhab Shafi'i bahawa suami mahupun isteri boleh menuntut daripada pasangan untuk melakukan hubungan kelamin. Begitu juga ulama mazhab Maliki menjelaskan bahawa hubungan intim merupakan hak bersama suami isteri. Isteri berhak menuntut hubungan intim ketika dia menginginkannya dan suami wajib memenuhinya. Ini bertujuan untuk menghindari isteri daripada bahaya (Ibnu Qudāmah, 2004). Namun, sekiranya suami mempunyai penyakit kelamin sehingga tidak mampu melakukan hubungan intim dalam tempoh satu tahun maka kedua-duanya boleh menuntut penceraian. Mazhab Hanbali menjelaskan suami wajib berhubungan seksual dengan isteri, sekurang-kurangnya sekali dalam

tempoh empat bulan sekiranya tidak ditentukan jumlahnya. Jika suami tidak juga berkeinginan untuk melayani seksual isteri sekali dalam empat bulan, isteri boleh menuntut fasakh dan hakim mempunyai kuasa untuk menceraikan mereka (Abdul al-Rahman al-Jazīrī, t.t).

Lantaran itu, suami dan isteri wajib menunaikan hasrat seksual pasangan apabila cenderung ke arahnya. Menurut Ibnu Qayyim(1983), suami wajib memberi kepuasan seks sebagaimana suami memberi makan kepada isteri sehingga kenyang. Inilah yang dinamakan dengan pergaulan baik suami isteri dalam mencapai kehidupan rumah tangga yang harmoni. Kesimpulannya, prinsip *mu'āsharah bil ma'rūf* dalam berhubungan intim sangat penting untuk dipelajari, difahami dan diamalkan oleh suami isteri. hal ini kerana salah faham atau tiada kefahaman yang sebenar tentang prinsip tersebut akan menyebabkan kepincangan hubungan seksual seperti keganasan seksual dan salah laku seksual yang lain. Malah berhubungan intim antara suami isteri merupakan suatu ibadah sekiranya dijalani dengan penuh kasih sayang.

Isu Komunikasi

Komunikasi adalah antara kunci utama dalam menentukan kebahagiaan hubungan antara suami dan isteri. Komunikasi positif yang berlaku dalam kehidupan rumah tangga akan membawa kedamaian dan ketenangan manakala komunikasi negatif menyebabkan kekusutan dan keserabutan berpanjangan, minda tertutup, mudah marah dan tidak sabar. Masalah komunikasi yang berterusan boleh menyebabkan tekanan dan mencetuskan pergaduhan (Lavner et.al, 2016). Contohnya suami atau isteri masih mengekalkan gaya komunikasi sebelum berkahwin seperti suka mengelak, menyalahkan orang lain dan suka menghukum. Siti Marziah et.al (2016) juga mendapati bahawa suami mahupun isteri tidak menjadi pendengar yang baik kepada pasangan, pasangan tidak suka berterus terang tetapi memilih untuk mendiamkan diri, tiada ruang untuk berbincang dan tidak memberi nasihat dengan baik sekiranya pasangan melakukan kesalahan (Fadillah Ismail, 2016).

Mariam, Syafirul (2017) dan Fadillah Ismail (2016) juga membuktikan bahawa masalah komunikasi menjadi punca kedua tertinggi penceraian di Selangor. Suami isteri kurang berinteraksi antara satu sama lain merupakan masalah yang melanda kebanyakan pasangan (Mariani Md Nor, 2018). Mereka kurang berkomunikasi kerana masing-masing banyak memberi fokus kepada media sosial sehingga gagal untuk membahagikan masa bersama keluarga. Akibatnya akan mencetuskan salah faham dan hubungan menjadi semakin renggang. Menurut Hardsen (2015), suami dan isteri perlu saling berkomunikasi dengan jujur, tidak berahsia dan meletakkan kepercayaan kepada pasangan. Suami mahupun isteri perlu memberi perhatian ketika pasangan sedang bercakap, memberi peluang kepada pasangan untuk menyatakan pandangannya dan menjadi pendengar yang baik (Fadillah Ismail, 2016). Rasulullah SAW sendiri sentiasa memberi perhatian ketika isterinya sedang berbicara dengannya. Selepas isterinya selesai bercakap, baginda akan menjawab dan menjelaskan agar masalah dapat diselesaikan. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sangat meraikan orang yang sedang berbicara dan baginda fokus mendengarnya.

Pasangan suami isteri juga perlu berkomunikasi dengan hikmah iaitu berkomunikasi dengan mengambil kira keadaan dan keperluan semasa pendengar. Contohnya, Rasulullah SAW memberikan jawapan yang berbeza kepada isteri yang berlainan kerana baginda sangat mengenali perwatakan para isterinya. Rasulullah SAW memberikan alasan secara ilmiah

kepada Ummu Salamah kerana baginda sangat mengenali personalitinya sebagai seorang yang intelektual. ini menunjukkan bahawa suami dan isteri perlu saling mengenali personaliti masing-masing. Mesej yang hendak disampaikan mestilah jelas dan mudah difahami. Suami dan isteri perlu sentiasa berwaspada dan berfikir dahulu sebelum mengeluarkan kata-kata kepada pasangan. Hal ini kerana perbuatan tersebut memberi kesan kepada keintiman hubungan.

Kesimpulannya, komunikasi suami isteri memainkan peranan penting dan utama dalam mengekalkan hubungan. Suami isteri perlu sentiasa memperbaharui cara berkomunikasi agar hubungan tidak hambar. Islam menyuruh umatnya sentiasa bercakap tentang perkara yang baik dan diam sekiranya tiada perkara baik untuk diucapkan. Diam daripada berkata-kata juga adalah satu bentuk ibadah. Ia adalah suatu bentuk pengawalan dalam Islam agar suami isteri tidak mudah untuk mengeluarkan kata-kata tanpa berfikir terlebih dahulu. maka suami isteri perlu sentiasa menjaga komunikasi sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah seperti selalu berkata lembut, sentiasa bergurau dan memanggil pasangan dengan panggilan yang disukainya.

Isu Pengurusan Konflik Atau Perbezaan Pandangan

Konflik merupakan perselisihan faham atau pertengkaran yang terjadi sehingga terjadinya permusuhan. Konflik dalam perkahwinan terjadi kerana perbezaan latar belakang dan keperibadian pasangan. Fadillah (2016) mendapati bahawa konflik berterusan berlaku kerana pasangan tidak mahu merujuk pendamai untuk menyelesaikan masalah rumah tangga, sifat ego yang melampau, gagal mengawal emosi dan membiarkan pasangan tanpa berusaha untuk memujuknya. Akibatnya ahli keluarga sentiasa menghadapi tekanan yang lebih tinggi dan rumah tangga menjadi tidak harmoni (Naimah Rose & Yusri Mustaffa, 2018).

Keadaan sebegini jika dibiarkan berterusan akan memberi kesan kepada tindakan pasangan dalam menangani konflik. Pasangan akan mengambil keputusan untuk mengelakkan diri daripada menyelesaikan masalah. Sebab itu, ada pasangan yang lebih memilih untuk bercerai kerana penceraian dilihat dapat memberi peluang baharu untuk kehidupan yang lebih baik. Maka diperlukan pengurusan konflik dalam rumah tangga untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah yang lebih serius. Fadillah Ismail (2016) menjelaskan cara menguruskan konflik akan memberi kesan kepada kebahagiaan dan keruntuhan institusi keluarga. Norazlina et.al (2017) mendapati bahawa gaya pengurusan konflik banyak dipengaruhi oleh personaliti individu.

Personaliti yang berbeza akan mencorakkan bentuk konflik yang berlainan. Langkah untuk menangani konflik menurut Teti dan Ami (2015) adalah melalui pengurusan emosi. Semakin baik emosi maka semakin baik kemampuan seseorang untuk menguruskan konflik dalam keluarga. Maka pengurusan emosi yang baik akan menyebabkan pasangan mampu menguruskan masalah dengan baik.

Dalam Islam, setiap perubahan bermula dengan perubahan sikap dan gaya berfikir seseorang (Fikhry Hakim, 2015). Kedua-dua perkara ini mampu membentuk seseorang untuk mengendalikan masalah. Rasulullah SAW juga mengalami konflik dalam keluarganya. Baginda pernah menghadapi krisis dengan semua isterinya dan berjauhan daripada mereka serta menawarkan penceraian untuk menyedarkan pihak yang bersalah. Selain itu, para isteri Rasulullah SAW pernah menuntut nafkah melebihi kemampuan baginda. Allah SWT menegur

sikap mereka dalam surah al-Ahzab: 28-29 dan memberi pilihan untuk terus bersama Rasulullah SAW atau menginginkan kehidupan dunia. Para isteri nabi SAW akhirnya memilih baginda untuk mendapatkan kemuliaan di akhirat. Situasi-situasi sebegini menunjukkan bahawa setiap pasangan akan menghadapi konflik sama ada kecil atau besar. Yang paling penting dan utama adalah cara suami isteri menguruskan masalah rumah tangga mereka.

Selain itu, Rasulullah SAW sentiasa bersabar dengan pelbagai karenah isteri. contohnya, baginda tidak cepat memarahi isterinya yang memecahkan pinggan yang dihantar oleh madunya. Walhal baginda di pihak yang benar dan berhak menegur. Malah baginda menjadi pihak produktif dalam usaha berdamai. Baginda juga tidak mudah menghukum isterinya derhaka hanya kerana satu dua kes meninggi suara. Perkara ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW banyak bertoleransi dengan isteri-isterinya. Baginda juga memahami personaliti dan keadaan pasangan serta bertolak ansur dalam menghadapi krisis. Sehubungan itu, pasangan perlu saling mengenali personaliti masing-masing, sentiasa bersabar dengan kerenah pasangan, selalu dalam keadaan bertenang dan bersikap mudah memaafkan apabila pasangan melakukan kesalahan.

Di samping itu, Rasulullah SAW bersikap tidak melawan semasa pasangan sedang marah. Baginda tidak menghalang para isteri untuk mengekspresi emosi marah. Rasulullah SAW dapat mengetahui perubahan emosi isterinya tetapi baginda tidak terus menegurnya. Tindakan pertama baginda adalah tidak berbuat apa-apa, setelah isterinya dalam keadaan sedikit bertenang, barulah nabi SAW akan mula mendekati dan berbincang. Daripada situasi ini, maka dapat dirumuskan bahawa suami isteri yang baik akan mengetahui perubahan emosi pasangannya dan cuba mengawal emosi seperti mendinginkan diri dahulu supaya emosi pasangan reda.

Maka, pengkaji merumuskan bahawa perkara utama untuk menguruskan konflik adalah suami isteri perlu sentiasa belajar untuk mengenali dan memahami personaliti pasangan, bersabar melayani sikap pasangan dan mudah memaafkannya. keluarga bahagia bukan setakat pasangan bersama ketika dalam keadaan senang tetapi juga mampu bersabar dan berusaha menyelesaikan konflik secara bersama ketika susah. Pun begitu, kekurangan yang ada pada pasangan sebagai salah satu langkah untuk mengenal pasti dan melakukan perubahan agar hubungan kekal utuh.

Isu Akhlak

Akhlak atau sikap yang buruk akan menyebabkan hubungan suami isteri sentiasa dalam keadaan bermasalah. Mariam dan Syafirul (2017) mendapati bahawa 4 798 aduan dari tahun 2011 hingga 2015 berkaitan dengan masalah akhlak suami isteri. Antara sikap yang mendatangkan masalah antara suami dan isteri adalah sukar berbincang, panas baran dan keras kepala (Norhanisah dan Raihanah Azahari, 2016).

Islam telah menunjukkan contoh ikutan terbaik dalam membina rumah tangga iaitu Rasulullah SAW. Ini sebagaimana yang terdapat dalam hadith Rasulullah SAW:(Hadith riwayat Ibn Majah, Kitab Sunan at-Tirmidhi, Bab Fi Fadhli Ajwaj an-Nabi, no hadith 3895, 5:709):

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Terjemahan: Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik dengan ahli keluarganya dan aku adalah yang paling baik di antara kamu kepada keluargaku.

Hadith tersebut menunjukkan bahawa lelaki yang paling baik adalah lelaki yang melayani keluarganya dengan baik. Maka suami yang bagus adalah suami yang berbuat baik kepada keluarga. Salah satu cara untuk memperbaiki akhlak suami isteri, Norhanisah dan Raihanah (2016) menjelaskan penghayatan Islam mampu memberi ketenangan kepada pasangan untuk menghadapi masalah akhlak. Ketenangan yang diperolehi dari pelaksanaan ibadah mampu memandu pasangan untuk berfikir lebih rasional dalam setiap tindakan yang akan diambil dan menghalang mereka dari bertindak terburu-buru dalam membuat keputusan. Hal ini kerana penghayatan agama merupakan salah satu penghubung antara hamba dengan Penciptanya untuk menyelesaikan masalah.

Zaharah Hussin et.al (2017) merumuskan antara amalan rohani yang boleh diterapkan dalam keluarga seperti sentiasa *mentadabbur* al-Qur'an dan mempelajari hadith, mengungkapkan kata-kata yang baik, melatih menjadi pendengar yang baik, sentiasa mempelajari ilmu agama, berdoa bersungguh-sungguh, menyemai rasa kasih sayang sesama keluarga dan bersikap lemah lembut dan bertolak ansur dengan ahli keluarga.

Kesimpulannya, akhlak yang mulia dapat dipupuk dari semasa ke semasa melalui amalan beragama dan penghayatan agama. kesan daripada dua amalan ini akan memandu pasangan suami isteri dalam bertindak menghadapi konflik. Justeru, suami dan isteri perlu sentiasa berusaha dan tidak jemu untuk sentiasa mempelajari dan memperbaharui ilmu agama kerana pengamalan agama yang teguh merupakan perisai yang paling kuat untuk bertahan dalam menghadapi ujian rumah tangga.

Isu Pengurusan Kewangan

Masalah kewangan adalah antara salah satu punca yang menyebabkan pergaduhan antara suami dengan isteri. Mariam Abd Majid et.al (2018) mendapati bahawa masalah kewangan adalah faktor yang paling tinggi menyumbang kepada konflik rumahtangga. Tambahan lagi, Hafiz Mutalib (2021) mendapati faktor desakan ekonomi mendorong kepada masalah penceraian yang tinggi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan Covid-19.

Menurut Wan Murni Wan Mokhtar (2018), suami yang tidak memberi nafkah dan menanggung perbelanjaan keluarga akan menjadi punca berlakunya konflik. Status ekonomi yang stabil menyebabkan suami isteri lebih menghargai pasangan mereka. Walaubagaimanapun, kedudukan ekonomi yang tidak stabil menyebabkan pasangan menghadapi tekanan.

Fadillah Ismail (2016) mendapati bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh suami isteri boleh diuruskan dengan pengurusan kewangan yang bijak. Pengurusan kewangan yang salah seperti sikap pasangan yang tidak suka menabung, berbelanja dengan tidak berhemah, meminta sesuatu di luar kemampuan pasangan, kedekut dan berhutang yang melampau adalah antara masalah yang sering berlaku. Hal ini dibuktikan lagi oleh Afiqah Aisyah Saiful Bahar (2020) bahawa kekurangan ilmu kewangan menyebabkan mereka gagal mengurus kewangan

seperti pasangan gagal menguruskan kewangan kerana mereka suka membandingkan diri dengan gaya hidup mewah orang lain di media sosial sehingga sanggup berhutang dan pasangan mengalami tekanan kewangan. Penganalisis ekonomi dan muamalat, Nuradli Ridzwan Shah (2020) mendapati bahawa tekanan yang dihadapi akibat daripada masalah kewangan merupakan antara penyebab utama penceraian. Sebagai contoh, pasangan bertengkar kerana gaji sekadar cukup makan yang tidak mampu menyara kehidupan seharian. Sememangnya krisis kewangan dalam rumah tangga akan ada namun kesabaran dan tidak cepat melatah dengan cabaran perlu sentiasa dipupuk.

Islam sangat mementingkan sumber pendapatan yang halal. Hal ini demi menjamin kesejahteraan hidup berkeluarga dan mencapai keberkatan dari Allah SWT. Untuk itu, pasangan perlu sentiasa berbincang berkaitan kewangan agar mendapat persetujuan bersama. Paling utama, amalan menabung perlu menjadi amalan harian setiap ahli keluarga sebagai persediaan untuk sebarang kemungkinan luar jangka di samping mendalami ilmu dalam pengurusan hutang.

Kesimpulan

Rumusannya, isu-isu yang telah dibincangkan merupakan antara isu utama yang mencetuskan konflik rumah tangga. Hal ini berlaku kerana pasangan suami isteri tidak memahami dengan betul mengenai konsep pergaulan suami isteri dalam Islam yang disebut sebagai *mu'āsharah bil ma'rūf*. Malah pasangan tidak mempraktikkannya berasaskan nilai-nilai Islam. Konsep *mu'āsharah bil ma'rūf* sewajarnya diperkasa sebagai perkara paling penting dalam kehidupan berumah tangga kerana konsep tersebut merupakan kunci utama kepada kesejahteraan perhubungan suami isteri.

Selain itu, satu lagi kejayaan dalam perhubungan suami isteri adalah penghayatan agama dan amalan beragama. Pasangan yang mempunyai penghayatan agama yang baik dan sentiasa mengamalkan agama dalam kehidupan seharian akan menganggap setiap cabaran yang berlaku dalam rumah tangga, merupakan ujian dari Allah SWT. Hal ini akan membuatkan mereka sentiasa bersabar, berdoa meminta pertolongan Allah dan mencari solusi mengikut agama. Meskipun dalam masalah, mereka boleh bertenang dalam menyelesaikan masalah.

Kepercayaan dan keyakinan kepada agama serta penghayatan kepada nilai agama dalam kehidupan seharian mampu menguatkan lagi jiwa pasangan menghadapi ujian rumah tangga. pengamalan kepada ajaran agama dan penghayatannya dalam kehidupan menjadikan pasangan sentiasa meletakkan pengharapan dan pertolongan dari Allah SWT untuk menyelesaikan konflik rumah tangga.

Sebaliknya kegagalan pasangan suami isteri untuk menerapkannya dalam kehidupan berkeluarga, akan lebih menyukarkan mereka untuk mendepani pelbagai cabaran. Kesannya akan berlaku banyak masalah dalam institusi keluarga seperti pergaduhan, penderaan, keganasan rumah tangga, penceraian dan pembunuhan. Indikator kepada keluarga bahagia menurut Islam adalah penghayatan agama dalam kehidupan dan pergaulan baik antara suami isteri (*mu'āsharah bil ma'rūf*).

Rujukan

- Abe Sohpiyan Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar. 2014. Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islamiyyat* 36 (1): 5-20.
- Afiqah Aisyah Saiful Bahar. 2019. Hentikan 'trend' perkahwinan tanpa kewangan yang kukuh. <http://www.astroawani.com/gayahidup/hentikan-trend-perkahwinan-tanpa-kewangan-yang-kukuh212418>. (diakses 27 Mei 2020).
- Ahmad Mustakim Zulkifli. 2021. Cerai ketika pandemik bagaimana Pkp runtuhkan rumah tangga. <https://www.malaysianow.com/berita/2021/10/13/cerai-ketika-pandemik-bagaimana-ppk-runtuhkan-rumah-tangga/> (diakses 15 November 2021)
- Awani. 2020. Ada suami abai nafkah kerana anggapan isteri ada pendapatan sendiri. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/ada-suami-abai-nafkah-kerana-anggapan-isteri-ada-pendapatan-sendiri-pakar-psikologi-1879892>. (diakses 15 November 2021)
- Beer, P.J. 2016. The Relationship between Communication and High Levels of Marital Satisfaction: A Systematic Review. Disertasi Sarjana Psikologi Klinikal. Universiti NorthWest.
- Bernama. 2016. Pakar: Media Sosial Boleh Jadi Penyebab Perceraian. <https://www.malaysiakini.com/news/326723>. (diakses 27 Mei 2020).
- Bernama. 2019. Masalah kewangan punca kes cerai tinggi. <https://www.sinarharian.com.my/article/29843/BERITA/Nasional/Masalah-kewangan-punca-kes-cerai-tinggi>. (diakses 10 Oktober 2021)
- Borst, J. B.. 2015. A Systematic Review of the Effects of Family Conflict: Focusing on Divorce, Infidelity, and Attachment Style. Tesis Master. St. Catherine University and the University of St. Thomas St. Paul
- Che Hashim Mat Said. 2006. *Komunikasi: Kepentingan dan Halangan dalam Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Che Som Omar & Norazlina Maarof. 2016. *Masyarakat Sejahtera: Praktis Keluarga Bahagia*. Negeri Sembilan: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Desi Asmaret. 2018. Perceraian Melalui Media Sosial (Medsos). *Menara Ilmu* 12 (7):64-76.
- Dini Farhana Baharudin, Suhailiza Md. Hamdani, Marina Munira Abdul Mutalib & Mohd Zaliridzal Zakaria. 2018. Kefahaman Beragama dan Proses Transformasi Hubungan Pasangan dalam Perkahwinan. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues* 3(2):76-91
- Fadillah Ismail. 2016. Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. Prosiding, Seminar Perkem ke-11, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Johor, hlm. 394-399.
- Fadzilah Kamsah & Abdullah Hassan. 2004. *Menjalin Hubungan Bahagia*. Pahang: Pts Publications & Distributions.
- Fakhrurrazi Usuldin. 2015. Fahami Ekonomi Keluarga. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/12/98601/fahami-ekonomi-keluarga>. (diakses 10 November 2021)

- Fikhry Hakim Fadzilullah. 2015. Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat Dan Islam: Suatu Perbandingan. Prosiding Seminar Pengurusan Islam:Ke Arah Pemantapan Ummah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 1-12
- Firdaus Abd Ghani. 2020. Mengapa Kes Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan Semasa PKP?.<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528>. (diakses 3 April 2020).
- Galuh Widitya Qomaro & Indria Mawaddah. 2017. Upaya Menjaga Keharmonisan Rumah Tangga Dari Penyalahgunaan Media Sosial Perspektif Sadd Al-Dzari'ah, *'Usratuna* 1(1): 47-66.
- al-Ghazālī Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad.2005. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Lubnān: Dār Ibn Ḥazm.
- Hafiz Ithnin. 2021. Jaga komunikasi dalam hubungan. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/10/770015/jaga-komunikasi-dalam-hubungan> (diakses 10 November 2021)
- Hafiz Mutalib. 2021. Masalah mental, penceraian belia membimbangkan semasa PKP. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/masalah-mental-penceraian-belia-membimbangkan-semasa-pkp/> (diakes 10 November 2021)
- Hardsen July Imanuel Najooan. 2015. Pola Komunikasi Suami Isteri dalam Menjaga Keharmonian Keluarga. *Journal "Acta Diurna*. 4(4):1-8
- Hasanah Che Ismail. 2006. Panduan Membentuk Istana Bahagia. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn.Bhd. 101-105.
- Ibn 'Abbas, 'Abd Allah. t.th. *Tanwīr al-Miqbās min Tafṣīr ibn 'Abbas*. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar. 2002. *Tafṣīr al-Qur'an al-'Azīm*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī. 1999. *Tafṣīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Dār Ṭayyibah li al-Nashar wa al-Tawzi'
- Ibn Qayyim al-Jawzīya, Muḥammad ibn Abī Bakr.1983. *Rawḍat al-muḥibbīn wa-nuzhat al-mushtāqīn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Qudāmah. 2004. *Al-Mugnī fi Fiqhī Al-Imām Ahmad Ibn Hanbal Asy-Syaibani*. Kairo: Dār al-Ḥadith
- al-Jazīrī, 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad 'Awḍ. t.th. *Al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-'Arba'ah*. Lubnan: Dar al-Hadith
- Kamarul Azmi Jasmi.2016. *Mu'asarah (Ensiklopedia Pendidikan Islam)*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Lavner, A.J., Karney, R.B & Bradbury. 2016. Does Couples' Communication Predict Marital Satisfaction or Does Marital Satisfaction Predict Communication?. *Journal of Marriage and Family* 78 (3): 680-694.
- Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M & Bradbury. 2016. Stress, Communication, and Marital Quality in Couples. *Interdisciplinary Journal of Applied Study* 59(2):195-206.
- Luqman Arif Abdul Karim. 2020. Panas Baran Punca Utama Keganasan Rumah Tangga.<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/630775/panas-baran-punca-utama-keganasan-rumah-tangga>. (diakses 21 November 2019).

- Luqman Arif Abdul Karim. Berita Harian. 2015. kes keganasan rumah tangga sepanjang pkp. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867652/parlimen-9015-kes-keganasan-rumah-tangga-sepanjang-pkp> (dicapai 27 Disember 2021)
- al-Marāghi, Ahmad Muṣṭafā. 1946. *Tafsir al-Marāghi*. Misr: Shirkah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1966. *Tafsir al-Maraghi*. Misr: Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh.
- Mardhiyyah Ulfa. 2019. Analisis Hukum Islam terhadap Penggunaan Media Sosial sebagai Penyebab Perceraian. Tesis Sarjana. Fakultas Syariah dan Hukum. UIN Alauddin Makassar
- Mariam Abd Majid & Mohammad Syariful Zarif Saleh Hudin. 2017. Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya. *Jurnal E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 4(2):285-303
- Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon & Nursyafiqa Bokhari. 2018. Faktor Konflik Rumah Tangga dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis. *5th International Research Management & Innovation Conference* (5th Irmic 2018), hlm. 1-17.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. 2017. Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2015. *Al-Irsyad* 2(2): 40-53
- Mariani Mohd Nor. 2016. Gajet, Media Sosial Boleh Jadi Medium Cerai. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/01/14/gajet-media-sosial-medium-cerai>.(diakses 10 Oktober 2020)
- Mariny Abdul Ghani. 2016. Isu Keganasan Rumah Tangga: Keberkesanan Perkhidmatan Kaunseling Berdasarkan Perspektif Klien Wanita Mangsa Penderaan. *Jurnal Kemanusiaan* 25(2):1-9
- Marlina Amir Hamzah. 2020. Hak wanita di sebalik isu pengabaian nafkah. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/11/30/hak-wanita-disebalik-isu-pengabaian-nafkah/> (diakses 15 November 2021)
- Meor Ahmad. 2020. Masalah kewangan, kahwin ikut trend antara punca pasangan muda cerai. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/08/18/masalah-kewangan-kahwin-ikut-trend-antara-punca-pasangan-muda-cerai-kata-penganalisis/>(diakses 15 November 2021)
- Mohamed Farid Noh. 2021. Suami tembak mati isteri angkara cemburu. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/03/793008/suami-tembak-mati-isteri-angkara-cemburu>, (diakses 27 Disember 2021)
- Mohd Ab Malek Md Shah, Jeniwaty Mohd Jody & Suzzana Othman. 2017. Polemik Isteri Pemangsa, Suami Mangsa: Satu Tinjauan Awal di Malaysia. *Jurnal Ilmi* 7:63-74.
- Mohd Azlim Zainury. 2018. WhatsApp, Facebook antara punca kes cerai di Terengganu. <https://www.sinarharian.com.my/article/40566/EDISI/Terengganu/Whats-App-Facebook-antara-punca-kes-cerai-di-Terengganu>.(diakses 10 November 2021)
- Mohd Hafiz Ismail. 2020. Kes perceraian di Malaysia rekodkan peningkatan luar biasa, <https://www.sinarharian.com.my/article/116749/BERITA/Nasional/Kes-perceraian-di-Malaysia-rekodkan-peningkatan-luar-biasa> (diakses 10 November 2021)

- Mohd Nazaruddin Parzi. 2021. Kes cerai sepanjang tempoh pandemik Covid 19. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/755070/77786-kes-cerai-sepanjang-tempoh-pandemik-covid-19> (diakses 17 November 2021)
- Nāṣir, ‘Abd al-Raḥman. t.th. *Taysīr al-Karīm al-Raḥman fī Tafsīr Kalam al Mannān*. Riyāḍ: Dār al-Salām
- Nasoha Saabin. 2002. *Mengendalikan Hubungan Suami Isteri*. Pahang: PTS Publications and Distribution Sdn Bhd
- Nik Azis Nik Pa. 2002. *Keluarga Berdaya Maju*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama’yah Zakaria. 2017. Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga. *Akademika* 87(2):77-87
- Nur Rofiah. 2017. Kekerasan dalam Rumah Tangga dalam Perspektif Islam. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 2(1):31-44.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. 2016. Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah* 24(3): 393-422.
- Nurul Hasna’ Hazni & Mohd Akram Dahaman. 2017. Keganasan Seksual dalam Rumah Tangga: Faktor Penyumbang berdasarkan Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 2(6): 335-351.
- Nurul Huda Husain & Khairil Asyraf. 2021. 4,905 kes keganasan rumah tangga dilapor tahun ini. <https://www.sinarharian.com.my/article/165229/BERITA/Nasional/4905-kes-keganasan-rumah-tangga-dilapor-tahun-ini> (dicapai 27 Disember 2021)
- Nurul Naimah Rose & Mohd Yusri Mustaffa. 2018. Tekanan dalam Keluarga: Faktor-faktor, Kesan dan Strategi Daya Tindak Menangani Tekanan. *Journal of Human Development and Communication* 7:135-142.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. Adakah Wajib Bagi Suami Memberi Nafkah Kepada Isteri Yang Tidak Memberi Nafkah Batin, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3681-al-kafi-1366-adakah-wajib-bagi-suami-memberi-nafkah-kepada-isteri-yang-tidak-memberi-nafkah-batin> (diakses 15 November 2021)
- Perry, S.L. 2016. Spouse's Religious Commitment and Marital Quality: Clarifying the Role of Gender. *Social Science Quarterly* 97(2): 476-490.
- Qulam Fatimah Sapuani. 2018. Portal Data Terbuka Malaysia. 2018. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pendaftaran-perceraian-mahkamah-syariah-seluruh-malaysia. (diakses 10 September 2019).
- al-Qurṭubī, Abu ‘Abdullah bin Ahmad bin Abu Bakar. 1964. *Tafsir al-Qurṭubī*. Al-Qāhirah. Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Ratna Roshida & Nik Haslinda. 2007. Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9: 74-82
- Siti Marziah Zakaria, Abdul Rahman Ahmad Badayai, Nor Ba’yah Abdul Kadir & Salina Nen. 2018. Pengukuran Dan Peramal Perkahwinan Berkualiti: Satu Sorotan. *Journal of Education and Social Sciences* 9(1):59-64.
- Siti Marziah Zakaria, Asila Nur Adlynd Mohd Shukry & Salina Nen. 2019. Persepsi Mengenai Kualiti Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda Di Selangor (Usia Perkahwinan

- 1-10 Tahun). Proceeding The 1st International Language, Culture and Education Conference 2019, hlm. 38-51
- Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar, Nurul Shafini Shafurdin, & Nur Diyanah Hidayat. 2018. Indikator Kualiti Perkahwinan daripada Pelbagai Perspektif. Prosiding Seminar Antarabangsa Keagamaan 2018, hlm. 26-32.
- Siti Marziah Zakaria, Salina Nen, Abdul Rahman Ahmad Badayai & Nor Hazila Mat Lazim. 2019. Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 Tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi dan Penyesuaian Hidup. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16(7): 1-11
- Soffizzan Abdul Rahman. 2016. Hubungkait Antara Personaliti, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan dan Kualiti Perkahwinan dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin di Lembah Klang. Tesis Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia. Universiti Putra Malaysia.
- Syakirah Zulkifly. 2018. Banyak Habiskan Masa di Media Sosial Punca Suami Isteri Kurang ke Ranjang Pakar. laman sesawang Astro Awani. <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/banyak-habiskan-masa-di-media-sosial-punca-suami-isteri-kurang-ke-ranjang-pakar-169912>.(diakses 27 April 2019).
- al-Ṭabari, Muhammad ibn Jarīr. 2001. *Jāmi' al-Bayān an-Ta'wil al-Qur'ān*. Dār Hijr li Tiba'ah wa Nashar wa Tawzi'
- Teti Devita Sari & Ami Widyastuti. 2015. Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Kemampuan Pengurusan Konflik Pada Isteri. *Jurnal Psikologi* 11(1): 49-54.
- Wan Mohd Zakri. 2018. WhatsApp dan FB punca ramai nak cerai, <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/01/305050/whatsapp-dan-fb-punca-ramai-nak-cerai>.(diakses 10 November 2020)
- Wan Murni Wan Mokhtar & Anwar Fakhri Omar. 2018. Analisis Punca Perceraian dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014. *Fikiran Masyarakat* 6(2): 57-62
- Yulianti Ratnasari. 2018. Konsep Keluarga Sakīnah Menurut Al-Ghazali. Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsih Ahmad & Nurul Rabihah Mat Noh. 2017. Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah* 9(2): 16-31
- Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh & Nur Zulfah Md Abd Salam. 2018. Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. 4 th International Conference On Islamiyyat Studies 2018, hlm. 287-293.